



PERCUMA

سیده

MAIPk

EDISI KETIGA 2015 BIL. KELAPAN BELAS

Anugerah Inovasi MB
MAIPk MEMASUKI PERINGKAT AKHIR



BANTUAN
PERSEKOLAHAN
untuk daerah
Kuala Kangsar



KURSUS KEMAHIRAN
GUNTING RAMBUT
untuk Anak Asnaf



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

Ketua Editor

**EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ
B. MOHD AMIN**

Editor

EN. SHAMSUL ANUAR BIN ZAKARIA

Jurufoto

**EN. BUKHAIRO BIN ABD. RAHMAN
EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI**

Edaran

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Diterbitkan oleh:

Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

Laman web: www.maiamp.gov.my
Emel: korporat@maiamp.gov.my
Facebook: Zakat Perak - MAIPk

© Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar
ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan
isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan
dengan cara apa jua sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain,
sebelum mendapat keizinan bertulis daripada
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

KANDUNGAN

EDITORIAL 2

SEMASA 3

BERITA SANA SINI 4 - 16

WASIAH RAJA-RAJA MELAYU 16

DARI MEJA KETUA EDITOR



Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah yang mentadbir seluruh alam ini. Salam dan selawat ke atas Rasulullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam.

Kelompok Fakir dan Miskin banyak disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran. Antara yang boleh dirujuk ialah ayat 60, Surah At-Taubah dan ayat 44, Surah Al-Muddatsir. Begitu juga banyak sunnah Nabi SAW yang berkongsi mengenai kelompok Fakir dan Miskin. Betapa kasih dan prihatinnya Islam terhadap dua golongan tersebut.

Lalu, apa pandangan orang Muslim terhadap kelompok Fakir dan Miskin?

Pada ayat 41 – 44, Surah Al-Muddatsir, Allah berfirman yang bermaksud: **“Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqar (neraka)?, mereka menjawab: “Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan solat, dan kami tidak (pula) memberi makan orang yang miskin.”**

Begitu juga pada ayat 19 – 33, Surah Al-Qalam, Allah menceritakan kisah pemilik-pemilik kebun yang menunggu malam datang untuk memetik hasil kebun mereka, supaya orang-orang miskin, yang sering bertindak di luar batas pada saat tuaian hasil, tidak memperoleh apa-apa makanan daripada pemilik-pemilik kebun. Mereka (pemilik-pemilik kebun) akhirnya ditimpah laknat daripada Allah SWT.

Oleh itu, kelompok Fakir dan Miskin sentiasa diperhati dan diberi makan. Bahkan, boleh sampai kepada satu peringkat bahawa orang-orang yang mampu atau kaya boleh diambil harta daripada mereka bagi membantu kelompok Fakir dan Miskin.

Dalam Al-Quran, Allah menjelaskan sifat orang-orang yang bertakwa, iaitu orang-orang yang pantas memperoleh syurga, memiliki sifat yang terpenting iaitu; **Dalam kekayaan mereka tersedia hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta-minta.**

Marilah kita bersama-sama terus menyempurnakan zakat kepada MAIPk agar kepentingan dan kebaikan kelompok fakir dan miskin terus terpelihara. Semoga dengan usaha dan tindakan tersebut mendapat ganjaran kebaikan yang tidak terhingga daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN



PELARIAN DAN PERLINDUNGAN DALAM ISLAM

Syariat Islam ternyata memberikan tafsiran bukan sahaja secara lebih luas mengenai pelarian dan perlindungan malah mengandungi nilai keinsanan yang lebih tinggi berbanding tafsiran dan pendekatan undang-undang moden; dengan menetapkan bahawa hak untuk mendapatkan perlindungan berpihak kepada pelarian dan bukannya negara. Syariat Islam menghuraikan subjek pelarian secara terperinci lagi mendalam untuk menjamin maruah manusia dan tanggung jawab ummah terhadap 'musta'men' ia itu orang-orang yang memerlukan perlindungan. Konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam menegaskan bahawa tanggungjawab memberi perlindungan kepada manusia terutama di kalangan mereka yang berada dalam darurat adalah satu tanggung jawab yang wajib dipenuhi.", titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dalam Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan pada 14 Oktober 2015.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menyeru seluruh umat manusia am dan umat Islam khasnya merenung secara mendalam semangat keinsanan yang telah dicerminkan oleh kaum Ansar di Madinah 1437 tahun yang lalu. SEMANGAT ANSAR ini wajib difahami, diterokai, dihayati lalu dijelmakan kembali.

IPOH – DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah menyeru umat Islam menghulurkan bantuan kepada para pelarian dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan. Titah Baginda lagi, bantuan yang dihulurkan kepada setiap pelarian hendaklah dilaksanakan berlandaskan semangat inclusive; semangat yang mengamalkan penerimaan manusia daripada pelbagai bangsa, kaum dan kewarganegaraan selaras dengan maksud yang terkandung dalam ayat 6 Surah At-Taubah.

"Islam telah lebih awal merintis, mempelopori dan mengasaskan hak asasi manusia untuk mendapat perlindungan, berpandukan konsep Hijrah yang lebih luas dan lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan definisi yang terkandung dalam Artikel 1, Geneva Convention berkaitan status pelarian yang diolah pada 28 Julai 1951. Pada tahun 1990, persidangan kesembilan belas Menteri-menteri Luar Organisation of Islamic Cooperation (OIC) telah menerima Artikel 12 Deklarasi Cairo yang menetapkan bahawa dalam kerangka Syariah, setiap orang memiliki hak kebebasan untuk bergerak dan hak memilih tempat untuk menetap sama ada di dalam atau di luar negaranya; dan negara yang menerima bertanggung jawab memberi perlindungan sehingga dia telah sampai ke tempat yang selamat, kecuali jika pelarian tersebut mencari perlindungan disebabkan telah melakukan kesalahan yang melanggar Syariah. Resolusi persidangan PBB mengenai 'Perlindungan dan Islam' yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 2007, menggariskan bahawa terkandung mesej-mesej positif kemanusiaan di dalam Al-Quran dan Sunah Rasul Sallallahu Alai Wassalam akan tata urus memberi perlindungan kepada pelarian tanpa mengira asal usul, kaum dan pegangan agama.

LAWATAN SULTAN KE MOSCOW



DYMM SULTAN NAZRIN SHAH atas kapasiti baginda sebagai Pengurus Bersama Panel Tertinggi Kewangan Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu mengadakan pertemuan dan perbincangan mengenai kaedah sumber kewangan Islam dengan Mufti Sheikh Rawil Gaynetdin, Pengurus Majlis Mufti Rusia di Moscow pada 7 September 2015.

DYMM SULTAN NAZRIN SHAH atas kapasiti sebagai Pengurus Bersama Panel Tertinggi Kewangan Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Mr Sergey Lavrov, Menteri Luar Persekutuan Rusia mengenai sumber dan kaedah kewangan Islam di Moscow pada 8 September 2015.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN DARIPADA PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN



KUALA KANGSAR - Pada 04 Disember 2015, satu Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah diadakan di Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar. DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memberi perkenan menerima cek zakat perniagaan berjumlah RM1.95 juta daripada pihak NAFAS. Pihak NAFAS telah diwakili oleh YB.

Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib selaku Pengurus Ahli Jemaah Pengarah NAFAS. Majlis tersebut turut disaksikan oleh DYT M Raja Muda Perak, DYAM Raja Dihilir Perak, YAB Menteri Besar Perak dan Yang Dipertua MAIPk. Semoga komitmen yang ditunjukkan oleh NAFAS dapat diteruskan bagi memberi manfaat yang luas kepada golongan-golongan asnaf yang memerlukan bantuan.

BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD DAN ANAK SYARIKAT BAYAR ZAKAT PERNIAGAAN

IPOH - Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan anak-anak syarikatnya telah menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM0.96 juta kepada pihak MAIPk. Penyerahan tersebut diadakan pada 30 November 2015 di Pejabat Mufti Negeri Perak, Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh. Pihak MAIPk diwakili oleh YABhg. Mufti Negeri Perak manakala pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan anak-anak syarikatnya telah

diwakili oleh Tuan Haji Johari bin Jonid selaku Timbalan Presiden 1 merangkap Ketua Khidmat Nasihat Syariah. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan Pengurus Besar Bahagian Zakat MAIPk. Pihak MAIPk mengucapkan tahniah dan mendoakan perniagaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan anak-anak syarikatnya terus maju dan diberkati oleh Allah SWT.



DUA KOPERASI TUNAIKAN KEWAJIPAN BERZAKAT

IPOH - Satu Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh CO-OP Bank Persatuan Malaysia Berhad dan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh pada 22 Disember 2015. CO-OP Bank Persatuan Malaysia Berhad diwakili oleh Dr. Ainuddin bin Haji Bahari merangkap Anggota Lembaga CO-OP Bank Persatuan Malaysia Berhad. Pihak beliau menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM113,777.53 diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPk. Pada majlis yang sama juga, Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad telah menyerahkan cek zakat perniagaan berjumlah RM79,775.29 yang diserahkan oleh Encik Razmi bin Hasyim selaku Pengurus Lembaga Pengarah Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad. Pada hari tersebut, pihak MAIPk menerima zakat perniagaan berjumlah RM193,552.82 dari CO-OP Bank Persatuan Malaysia Berhad dan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad.



PROGRAM KORBAN PERDANA TAKAFUL IKHLAS BERHAD

SUNGAI SIPUT - Syarikat Takaful Ikhlas Bhd dengan kerjasama MAIPk Kuala Kangsar telah mengadakan program Korban Perdana sempena Hari Raya Aidiladha pada 26 September 2015. Program yang berlangsung di Surau Baitur-Rahman, Kg Orang Asli Kenang Baru, Jalong Tinggi, Sungai Siput (U) ini menyaksikan pihak syarikat menyumbang sebanyak 18 ekor lembu untuk ibadah korban dan 12 ekor

kambing untuk ibadah akikah. Pada majlis yang sama juga, Takaful Ikhlas Bhd turut mengeluarkan zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 20 April 2015 sebanyak RM30 ribu kepada pihak MAIPk.

Tuan Haji Wan Rosli Shaharuddin bin Wan Yaacub selaku Ketua Pegawai Komunikasi (Keluarga), Takaful Ikhlas Bhd telah menyerahkan cek bayaran zakat perniagaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Pihak Surau

Baitur-Rahman, Kg Kenang Baru, Jalong Tinggi juga turut menerima sumbangan sebanyak RM5 ribu daripada pihak syarikat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB. Dato' Haji Mohd Zolkafly bin Harun, ADUN Kawasan Lintang, Pegawai Tadbir Agama Daerah, Pegawai Baitulmal Daerah serta warga kerja MAIPk Kuala Kangsar, mubaligh dan penggerak masyarakat orang asli,

pelajar-pelajar pelatih-pelatih KUISAS, penuntut Pusat Serenti, UIAM serta penduduk-penduduk kampung yang berdekatan. Daging korban tersebut telah diagihkan kepada penduduk Islam di beberapa perkampungan orang asli sekitar kawasan Jalong dan Lintang. Semoga kerjasama yang erat dapat diteruskan dalam bentuk kemasyarakatan antara MAIPk dan pihak korporat pada masa hadapan terutamanya dalam aspek menyantuni asnaf dan golongan yang memerlukan.





MAIPk BERSAMA MASYARAKAT KARNIVAL UKHUWAH MAIPk 2015

IPOH – Pihak MAIPk telah mengadakan Karnival Ukhuhah MAIPk 2015 bertempat di MYDIN Hypermarket, Meru Raya, Ipoh pada 30 Oktober hingga 01 November 2015. Karnival tersebut diadakan bertujuan untuk –

- Untuk menerapkan kesedaran dan memberikan kefahaman yang kukuh kepada masyarakat Islam mengenai peranan dan fungsi MAIPk;
- Menyebarluaskan dakwah Islam di samping mempromosikan kewajipan zakat di kalangan masyarakat setempat; dan
- Membina dan memperkuatkan hubungan antara MAIPk dengan agensi-agensi kerajaan dan masyarakat.

Program yang berlangsung selama dua hari itu telah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berbentuk informasi, kesedaran kerohanian serta acara khas untuk kanak-kanak.

Selain itu, turut dianjurkan aktiviti seperti pameran dan kaunter MAIPk, pertandingan mewarna, kuiz zakat dan wakaf (sendaloka bersama Osbon Maharajalawak), bicara hijrah bersama Iwan Syahman dan Radzi, ceramah wakaf oleh PU Yeop dan pertandingan bercerita kisah-kisah anbia.

Perasmian penutup program ini disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Turut hadir ialah YABhg. Mufti Negeri Perak dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Pada majlis perasmian penutup, pihak MAIPk turut memberi sumbangan kepada NGOs, rumah anak-anak yatim, maahad-maahad tahniz serta jawatankuasa kariah masjid. Jumlah sumbangan yang diberikan semasa majlis tersebut adalah seperti berikut –

BIL	PENERIMA BANTUAN	JUMLAH (RM)
1.	SUMBANGAN KEPADA ORGANISASI ISLAM (18 NGO)	RM144,000.00
2.	SUMBANGAN KEPADA PENGURUSAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM (22 BUAH RUMAH ANAK YATIM)	RM240,000.00
3.	BANTUAN PERSEKOLAHAN ANAK YATIM 1000 ANAK YATIM x RM150(BAUCEL MYDIN)	RM150,000.00
4.	BANTUAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ (PERSENDIRIAN) DAN PERALATAN ICT KEPADA MASJID	RM233,000.00
5.	BANTUAN PERSEKOLAHAN ANAK YATIM (BEG SEKOLAH)	RM28,200.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM795,200.00



KARNIVAL UKHUWAH MAIPk 2015



Hari Pertama



PROJEK INOVASI e-PZB TERSENARAI ANUGERAH INOVASI MENTERI BESAR



IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) mengorak langkah maju kehadapan apabila projek MAIPk tersenarai antara tiga projek inovasi yang mendapat pengiktirafan Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan melalui penyertaan Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB). Anugerah ini disediakan sempena Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak Tahun 2015 pada 12 Oktober 2015. Pihak MAIPk menghantar penyertaan menerusi projek Sistem e-Potongan Zakat Berjadual (e-PZB).

Sistem e-PZB ini dibangunkan pada tahun 2014 dan telah dirasmikan oleh YAB. Dato’ Seri Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 19 Mei 2014

yang lalu dan seterusnya mula digunakan sepenuhnya pada Jun 2014. Walaupun dalam tempoh singkat setahun penggunaan, Sistem e-PZB mencapai objektif projek inovasi dengan jayanya iaitu merakyatkan perkhidmatan awam, memberi kemudahan kepada umat Islam untuk melaksanakan tuntutan berzakat, meringkaskan proses kerja pengurusan zakat melalui potongan gaji dan memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan secara maksimum.

Setelah tersenarai pendek 6 daripada 22 penyertaan jabatan-jabatan yang lain, MAIPk sekali lagi disenaraikan antara 3 projek inovasi yang berpotensi apabila melepas dua saringan yang dihakimi oleh juri-juri yang profesional. Sekolah Raja Perempuan Taayah telah menjadi juara AIMB dengan menerima hadiah wang tunai RM50,000. MAIPk dan Majlis Daerah Kampar mendapat saguhati wang tunai RM2,000. Anugerah berprestij ini telah memberi signifikan cukup tinggi terhadap kredibiliti MAIPk dengan usaha pembudayaan inovasi dalam perkhidmatan. Semoga inovasi yang diusahakan dapat dinikmati manfaatnya oleh seluruh umat Islam khususnya dalam Negeri Perak.



MAIPk TERIMA SIJIL PENGHARGAAN eRATING

IPOH - MAIPk dianugerahkan Sijil Penghargaan Pelaksanaan eRating oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Penghargaan tersebut disampaikan oleh Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Zainal Rahim bin Seman pada 27 Oktober 2015 di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan. Turut menerima Sijil Penghargaan ialah 36 agensi kerajaan seluruh negeri Perak.

Ketua Pengarah MAMPU menyatakan bahawa sistem eRating yang mula dilaksanakan pada Mei 2015 telah dinilai oleh 16153

pelanggan. Maklum balas yang diterima ialah 99.3 peratus pelanggan memberikan penilaian cemerlang dan memuaskan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Sistem eRating merupakan satu sistem penilaian kepuasan pelanggan secara elektronik. Sistem ini memudahkan pelanggan memberikan maklum balas segera secara elektronik bagi perkhidmatan diberikan oleh petugas di kaunter. Menurut MAMPU, pelaksanaan sistem ini akan diperluaskan supaya kualiti perkhidmatan kaunter di agensi-agensi kerajaan dapat dipertingkatkan.





PROGRAM ZIARAH KORPORAT MAIPk 2015

LOKASI 1 – D’ASNAF 253 CAFÉ, IPOH.

IPOH - Bagi menterjemah dan menunjukkan keprihatinan MAIPk dan rasa terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat, pihak MAIPk telah mengadakan Program Ziarah Korporat 2015 pada 15 Disember 2015. Program yang berkonsepkan ziarah ke pusat-pusat perniagaan yang dijalankan oleh golongan asnaf di kawasan Ipoh, Batu Gajah, Parit, Beruas dan Pengkalan Bharu. Selain itu, peserta juga dibawa melawat ke Pusat Rawatan Hemodialisis Wan Nong, Batu Gajah di mana penerima-penerima bantuan rawatan hemodialisis mendapatkan rawatan mereka. Mereka dibiayai sepenuhnya oleh MAIPk. Para peserta turut dibawa melawat rumah-rumah penerima bantuan bina rumah MAIPk di Simpang 3, Tanjung Belanja dan Kg Dendang, Beruas. Program Ziarah Korporat tersebut turut disertai oleh Duta MAIPk Mr Os.

Premis ini terletak di Ipoh. Ianya menjadi pusat latihan bagi asnaf menceburkan diri dalam bidang perniagaan makanan. Kafe ini telah mula beroperasi sejak 17 Oktober yang lalu. Antara latihan yang ditekankan adalah kemahiran memasak, penyediaan makanan dan pengurusan makanan.



LOKASI 2 – SIAPA ENTERPRISE, BATU GAJAH

Pemilik bernama Encik Azhar bin Lias menjalankan perniagaan pengeluaran produk berdasarkan kayu seperti gazebo, kerusi taman. Selain itu, beliau turut menyediakan perkhidmatan jual beli kayu lama, bina kolam dalam taman, perkhidmatan tebang pokok dan potong rumput. Beliau menerima bantuan modal dari MAIPk untuk memulakan perniagaan tersebut. Para peserta telah dibawa meninjau produk-produk yang dihasilkan.



LOKASI 3 – PUSAT RAWATAN HEMODIALISIS WAN NONG, BATU GAJAH

Pembinaan pusat ini merupakan sumbangan daripada Yayasan Amanah EMKAY. Pusat ini membantu memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis daripada pihak MAIPk. Pusat ini juga telah menjadi panel kepada pihak MAIPk sejak tahun 2004. Para peserta menerima gambaran bahawa dana zakat turut membantu pesakit hemodialisis.



LOKASI 4 – RUMAH ENCIK ABD RAHMAN YAACOB, SIMPANG 3, TANJUNG BELANJA, PARIT.

Pemilik rumah ini ialah Encik Abdul Rahman Yaacob. Beliau telah mengusahakan ternakan kambing sejak empat tahun yang lepas. Bermula dengan tiga ekor dan kini telah berkembang sebanyak 20 ekor. Beliau merupakan penerima bantuan modal dari MAIPk. Satu contoh di mana golongan asnaf berjaya dalam meningkatkan taraf hidup melalui skim-skim yang disediakan oleh MAIPk.



LOKASI 5 – PENERIMA BANTUAN BINA RUMAH DI KAMPUNG KOTA, BERUAS

Penerima bantuan tersebut ialah Puan Rosni binti Abd Rahman. Seorang bahu yang telah kematian suami pada tahun 2015 kerana sakit tua. Beliau mula menduduki rumah tersebut pada awal tahun 2015. Merupakan penerima bantuan bulanan MAIPk sejak tahun 2014. Rumah terdahulu adalah daif dan tidak mempunyai bekalan air.



LOKASI 6 – ZIARAH KE KAWASAN NELAYAN PENGKALAN BHARU – PROGRAM PENUTUP

Program penutup Ziarah Korporat 2015 telah diadakan bersama-sama dengan penerima-penerima bantuan modal berupa peralatan seperti sampan, enjin dan pukat. Majlis penutupan dan penyampaian sijil penghargaan kepada peserta-peserta Ziarah Korporat telah disempurnakan oleh Dr. Amiruddin bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.





MANGSA BANJIR DAERAH KERIAN DISANTUNI PIHAK MAIPk

BAGAN SERAI – Pada 10 Disember 2015 telah diadakan Majlis Penyerahan Bantuan Pasca Banjir kepada mangsa banjir di kawasan Lembah Beriah, Kerian. Majlis telah berlangsung di Pejabat MAIPk Bagan Serai. Bantuan adalah untuk mangsa banjir di kawasan yang terlibat iaitu di Lembah Berian, Daerah Kerian. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Daerah Kerian, YBhg. Dato' Hj. Meor Redwan bin Mahayuddin. Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa pihak MAIPk sentiasa prihatin mengenai nasib mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Oleh itu, pihak MAIPk

menyediakan bantuan awal kepada penduduk yang terlibat. Beliau turut mengingatkan kepada para hadirin supaya terus bergerak menempuh kehidupan dan redha terhadap ujian yang diterima. Beliau mengambil kesempatan mengucapkan ucapan terima kasih kepada pihak MAIPk serta pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kerian dan agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat membantu para penduduk menghadapi musibah banjir. Bantuan yang diberikan adalah bentuk pemberian wang tunai berjumlah RM200.00 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan banjir tersebut.





EMPAT KELUARGA MENERIMA BANTUAN BINA RUMAH DI SELAMA HASIL KERJASAMA MAYBANK ISLAMIC BERHAD DAN MAIPk



SELAMA – Pada 14 Disember 2015 telah diadakan Majlis Penyampaian Bantuan Bina Rumah untuk empat keluarga di Kampung Teluk Mas, Selama. Ia merupakan usaha bersama antara pihak MAIPk dan Maybank Islamic Berhad dalam mengagihkan zakat kepada golongan sasaran. Seramai empat orang penerima bantuan bina rumah iaitu Encik Kamal Bashah bin Mat, Encik Abd Gani @ Abd Rani, Encik Mohamad Husin bin Said dan Puan Rahmah binti Yahya telah menerima bantuan bina rumah yang berjumlah setiap satu ialah RM44 ribu. Jumlah keseluruhan ialah RM176,000.00.



Wakil daripada Maybank Islamic Berhad, Puan Mazlina binti Muhammad selaku Pengurus Wilayah Maybank Islamic Berhad menyampaikan replika berbentuk kunci rumah kepada penerima-penerima bantuan. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Tuan Mohd Haidi bin Sulaiman turut hadir pada majlis tersebut. Majlis ini juga dapat memastikan ketelusan dalam proses pengagihan wang zakat melalui skim bantuan bina rumah kepada golongan sasaran. Semoga kerjasama erat antara MAIPk dan pihak korporat dapat diteruskan pada masa hadapan demi kebaikan golongan asnaf yang memerlukan pembelaan.



BANTUAN PERSEKOLAHAN DAERAH KUALA KANGSAR

SUNGAI SIPUT - Satu majlis serahan bantuan persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah Daerah Kuala Kangsar telah diadakan di MH Hotel, Sg Siput pada 02 September 2015. Serahan tersebut diadakan sempena dengan Program Executive Talk yang diadakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar. Dr. Amiruddin bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPk telah menyampaikan bantuan tersebut kepada Haji Syed Mahizan Bin Syed Hashim, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Kangsar. Jumlah keseluruhan yang diagihkan ialah sebanyak RM539,950.00 untuk diagihkan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah Daerah Kuala Kangsar. Semoga dengan kerjasama mantap antara pejabat pendidikan daerah dengan pihak MAIPk dapat memberi kegembiraan dan peluang pembelajaran untuk dinikmati oleh para pelajar khususnya di Daerah Kuala Kangsar





GOLONGAN ASNAF DIBERI KEMAHIRAN

BATU GAJAH – Pejabat MAIPk Batu Gajah dengan kerjasama Kolej Komuniti Batu Gajah dan Pejabat Agama Daerah Batu Gajah telah mengadakan Kursus Kemahiran Gunting Rambut kepada golongan asnaf di Daerah Batu Gajah. Kursus tersebut telah berlangsung dari 12 hingga 19 September 2015 bertujuan untuk mewujudkan golongan asnaf berkemahiran serta bermatlamat untuk mewujudkan satu kedai gunting bagi satu masjid dalam Daerah Batu Gajah. Program ini merupakan satu inisiatif dari Pejabat MAIPk Batu Gajah dalam usaha mewujudkan golongan asnaf yang produktif dan mampu untuk keluar dari kategori asnaf. Selain itu, kemahiran yang dimiliki dapat memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Masjid atau surau dapat dihidupkan dengan aktiviti perekonomian penduduk setempat.



MAIPk TAJA ANAK-ANAK ASNAF MENGIKUTI KURSUS KEMAHIRAN PEMASANGAN PERANCABH (SCAFFHOLDING)

IPOH – Seramai 16 orang di kalangan anak-anak asnaf dari seluruh negeri Perak dipilih untuk mengikuti Kursus Kemahiran Pemasangan Perancah (Scaffholding) bidang Gas dan Petroleum. Kursus tersebut diadakan di pusat latihan ADTAC Kemaman, Terengganu. Para peserta bertolak ke pusat latihan tersebut pada 28 Disember 2015. Peserta ditaja oleh MAIPk melalui Skim Latihan Kemahiran Asnaf. Program ini merupakan kerjasama antara pihak MAIPk dengan Yayasan Peneraju Bumiputra. Jangka masa kursus adalah selama tiga bulan mulai bulan Januari 2016 iaitu satu bulan kursus teras dan dua bulan latihan amali bersama agensi-agensi yang terpilih.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk menjadikan mereka sebagai pekerja yang berkemahiran memandangkan permintaan terhadap bidang ini adalah tinggi di pasaran kerja. Satu bentuk skim digunakan melalui dana zakat untuk membina kemahiran dan pengetahuan kepada anak-anak asnaf. Ini membolehkan mereka mampu berdikari dan merubah diri serta keluarga untuk keluar daripada belenggu kemiskinan pada masa hadapan.



MAIPk MENINGKATKAN ILMU DAN PENGETAHUAN

JOHOR BAHRU – Seramai 26 orang pekhidmat MAIPk telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Lawatan tersebut diadakan pada 21 hingga 23 Disember 2015. Tuan Mohd Haidi bin Sulaiman selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk telah mengetuai lawatan tersebut. Pekhidmat MAIPk yang terlibat adalah terdiri daripada Ahli Lembaga Pemeriksa Harta Modal dan Inventori dan Pembantu-Pembantu Aset Daerah.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti penanda aras terhadap sistem pengurusan aset dan sistem pengurusan fail

berpusat yang dilaksanakan oleh pihak KEJORA. Pihak KEJORA telah memenangi Anugerah Pengurusan Aset Terbaik di peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sesi taklimat dari pihak KEJORA telah menerangkan pelaksanaan sistem pengurusan aset dan sistem pengurusan fail berpusat yang dilaksanakan serta sesi soal jawab juga diadakan. Ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi idea dan pandangan yang bernalas sebagai input untuk digunakan pada masa hadapan. Pihak MAIPk sentiasa memberikan komitmen menambah baik pengurusan dari semasa ke semasa demi pembangunan sosio ekonomi ummah di Negeri Perak.



PEMBANGUNAN ASRAMA PELAJAR KUISAS DI BAWAH PROJEK WAKAF MAIPk PADA TAHUN 2016

IPOH – Satu Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli antara pihak MAIPk dengan Sri Kancil Development Sdn. Bhd. telah diadakan pada 22 Disember 2015 di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Perjanjian tersebut diadakan bagi projek pembinaan dua blok pangaspuri lima tingkat di Mukim Sayung, Kuala Kangsar berdekatan dengan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).

Projek pembangunan yang menelan belanja sebanyak RM13.5 juta tersebut merupakan salah satu projek wakaf MAIPk pada tahun

2016. Pangaspuri tersebut akan dijadikan sebagai asrama pelajar KUISAS dan mampu memuatkan lebih kurang 720 orang pelajar pada satu-satu masa. Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhamed bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Puan Hjh. Wan Maizura binti Hj. Wan Zahari bagi pihak MAIPk dan Pengarah Sri Kancil Development Sdn. Bhd., Raja Shamil bin Raja Mohamad bagi pihak pemaju.





BENGKEL i-SYURA UNTUK PEKHIDMAT MAIPk



KG GAJAH - Pihak MAIPk melalui Unit Agihan, Bahagian Zakat dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat, MAIPk telah mengadakan satu bengkel khas berkaitan dengan sistem i-Syura. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan sistem e-Agihan yang menguruskan data dan maklumat berkaitan permohonan-permohonan bantuan. Bengkel tersebut diadakan pada 24 hingga 27 November 2015 bagi pekhidmat-pekhidmat MAIPk yang bertugas di daerah.

Bengkel tersebut dianjurkan bertujuan untuk memberikan pendedahan bagaimana pengoperasian sistem i-Syura tersebut. Peserta terdiri daripada pekhidmat yang terlibat secara langsung dengan tugas-tugas memproses



permohonan bantuan asnaf. Kemahiran penggunaan sistem tersebut perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang efisyen dan efektif. Pengenalan kepada sistem ini akan memberikan impak yang besar dalam proses penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan kepada umat Islam di Negeri Perak.



BENGKEL SISTEM MAKLUMAT IMAM DAN MASJID (SISMIM)



BANDAR MELAKA - MAIPk melalui Unit Pembangunan Ummah (UPU) telah mengadakan Bengkel Sistem Maklumat Imam dan Masjid (SISMIM) bertempat di Bayview Hotel, Melaka. Bengkel tersebut diadakan pada 17 hingga 19 November 2015 dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu diadakan bertujuan untuk memperkasa dan mengemaskini maklumat-maklumat berkaitan jawatankuasa kariah masjid dan

maklumat senarai masjid-masjid di seluruh negeri Perak. Peserta bengkel terdiri daripada pegawai dan kakitangan Unit Pembangunan Ummah (UPU) MAIPk dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah (PPMD) di seluruh negeri Perak. Sesi bengkel telah diketuai oleh Encik Zul-Azri bin Hosaini selaku Pengurus, Unit Pembangunan Ummah, MAIPk. Apabila sistem tersebut dikemas kini, maklumat setiap masjid dapat dikongsi dengan masyarakat mengikut daerah.





MAJLIS DISKUSI PELANTIKAN AMIL KHAS MAIPk

IPOH – MAIPk melalui Unit Dakwah dan Operasi Zakat telah mengadakan satu Majlis Diskusi yang melibatkan wakil-wakil daripada firma akaun, audit swasta, ejen percuai. Majlis tersebut telah diadakan di Hotel Casuarina@Meru, Meru Raya, Ipoh pada 15 Oktober 2015. Majlis diskusi telah dimulakan dengan pembentangan oleh Encik Ariff bin Apandi selaku Pengurus Besar, Bahagian Kewangan MAIPk. Beliau telah menerangkan aspek-aspek perakaunan yang melibatkan taksiran zakat. Seterusnya pembentangan oleh Encik Khairul Amal Hashim yang juga seorang Amil Profesional MAIPk dan Akauntan Bertauliah. Beliau memberikan testimonial bahawa zakat bukan suatu yang membebankan tetapi satu kewajipan yang memberikan hikmah yang berterusan kepada pembayarannya. Ini

terbukti daripada pengalaman beliau apabila terdapat perniagaan syarikat berkembang hasil memenuhi kewajipan zakat perniagaannya. Beliau juga memegang prinsip bahawa profesion Amil Zakat adalah sebagai satu cabang jihad bisnes yang perlu dipupuk di kalangan orang Islam yang berkelayakan.

Pada majlis itu juga, Dr Amiruddin bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak turut membentangkan berkenaan maklumat pengagihan wang zakat kepada golongan asnaf di Negeri Perak pada tahun 2015 untuk dikongsi bersama-sama dengan peserta majlis. Majlis perasmian penutup diskusi tersebut telah disempurnakan oleh YABhg Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj Harussani Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak.



PKEINPK SDN. BHD. MENERIMA ANUGERAH INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

IPOH - Ladang Rancangan Tanaman Berkelompok (RTB) Pulau Tiga yang diuruskan oleh PKEINPK Sdn Bhd (PSB) telah memenangi Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2013/2014 untuk Kategori Ladang Berkeluasan 500 - 1,999 hektar. AISM merupakan anugerah industri yang memberi pengiktirafan kepada penggiat yang telah memberikan sumbangan cemerlang kepada peningkatan prestasi industri sawit Malaysia. Anugerah ini disediakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan

Komoditi (MPIC) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan diberikan dalam satu majlis yang diadakan di Palace of Golden Horses, Mines Resort City, Seri Kembangan pada 19 Disember 2014.

Ladang RTB Pulau Tiga berkeluasan 1028 hektar, merupakan satu-satunya ladang di Semenanjung Malaysia yang mencapai hasil purata melebihi 32mt/hektar. Ladang ini diusahakan atas konsep perkongsian keuntungan (al-musyarakah) di mana keuntungan

ladang tersebut diagihkan kepada 393 orang peserta RTB.

PSB telah membuktikan keupayaan yang cemerlang dalam pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) melalui amalan baik pengurusan ladang sawit serta Rancangan Tanaman Berkelompok. PSB merupakan anak syarikat milik penuh MAIPk yang ditubuhkan bagi menjana hasil melalui bidang perniagaan. Perniagaan teras PKEINPK Sdn Bhd ialah perladangan sawit, penjagaan kesihatan dan harta tanah.





BERITA SANA..SINI



Pihak RISDA Negeri Perak menyerahkan zakat perniagaan kepada pihak MAIPk berjumlah RM133 ribu pada 15 September 2015.



Persidangan MAIPk Kali Ke-192 yang dipengerusikan oleh YDP MAIPk, Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin pada 01 Oktober 2015.



Perbincangan antara pihak Tan Sri Datuk (Dr) Haji Mustapha Kamal bin Haji Abu Bakar dengan pihak MAIPk yang dipengerusikan oleh Mufti Negeri Perak pada 15 Oktober 2015.



MAIPk mendapat tempat johan bagi Kategori Penerbitan Hadiah Suar Bahasa yang dianugerahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara pada 19 Oktober 2015.



Lawatan MAIPk ke pusat hemodialisis yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Johor pada 28 Oktober 2015.



Pihak GITN SDN BHD menyerahkan zakat perniagaannya berjumlah RM100 ribu kepada pihak MAIPk pada 31 Disember 2015.

(PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini;

Kelima :

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan;

Keenam :

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU;

Ketujuh :

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak.)



Pada tarikh 5 Ogos 1957, Duli-duli Yang Maha Mulia sembilan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Pemerintah dari empat "Negeri Melayu Bersekutu" dan lima "Negeri Melayu Tidak Bersekutu" telah memberikan perkenan menurunkan tundatangan persetujuan kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan memahat Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu yang berbunyi :

"Kami wasiatkan kepada zuriat keturunan kami tujuh perkara yang mana jika kamu bersatu padu dan berpegang teguh kepadanya selalu kamu akan aman dan damai dan selamat sejahtera"

TUJUH PERKARA ITU ADALAH :

Pertama :

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung

Ketiga :

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

Keempat :

Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan

